

05/12/1998

KCJ tambah pelaburan RM95 juta di Pahang

Sariha Mohd Ali

KANEKA Corporation Japan (KCJ), antara syarikat ulung dalam industri petrokimia di Jepun, membuat pelaburan tambahan berjumlah RM95 juta di Kawasan Perindustrian Gebeng, dekat Kuantan, menerusi pembinaan sebuah lagi kilang baru yang akan disiapkan pada tahun 2000.

Pelaburan terbaru Kaneka dengan pembukaan kilang pes resin polyvinyl chloride (PVC) yang dikenali sebagai Kaneka Paste Polymers Sdn Bhd (KPPSB), menjadikan keseluruhan pelaburan syarikat berkenaan di Pahang setakat ini mencapai RM440 juta.

Kaneka sebelum ini mempunyai tiga kilang yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Gebeng - Kaneka (M) Sdn Bhd (KMSB), Kaneka Electec Sdn Bhd (KESB) dan Kaneka Eperan Sdn Bhd (Eperan).

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata langkah Kaneka memperluaskan pelaburannya di Malaysia, membuktikan keyakinan syarikat itu terhadap kekukuhan ekonomi negara pada masa depan walaupun kini dilanda kegawatan.

Menurutnya, kilang baru Kaneka yang mengambil 50 pekerja mahir, antara lain akan mengeluarkan produk kertas dinding, pes resin untuk kulit anak patung Barbie, fiber sintetik yang dikenali sebagai Kanekalon untuk membuat rambut palsu dan rambut anak patung Barbie, sarung tangan plastik serta getah sintetik dengan keupayaan pengeluaran 30,000 tan metrik setahun.

Beliau berkata, pengeluaran produk terbabit dijangka bermula pada pertengahan tahun 2000.

"Kita mengalu-alukan langkah Kaneka menambah pelaburannya di Pahang menerusi pembukaan sebuah lagi kilang barunya, KPPSB yang membabitkan pelaburan RM95 juta. Peningkatan pelaburan asing di Malaysia selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memperkukuhkan ekonomi negara yang kini sudah menunjukkan tanda pemulihan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Pengarah Eksekutif Kanan Kaneka, Masatoshi Takeda, di Kuantan, Kelmarin. Turut hadir Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Datuk Hamdan Jaafar.

Kaneka setakat ini mempunyai tiga kilang pes resin PVC, iaitu dua di Jepun dan satu di Delaware, Amerika Syarikat.

Pembukaan KPPSB menjadikan Kaneka sebagai satu daripada pengeluar pes resin PVC terbesar dunia.

Sementara itu, Takeda berkata, 90 peratus daripada produk keluaran Kaneka dieksport ke luar negara, terutama Hong Kong, Taiwan dan China.

Menurutnya, Kaneka mengeluarkan 150 juta keping badan anak patung Barbie di Malaysia, dalam tempoh setahun.

"Produk Kaneka berasaskan petrokimia dan bahan mentahnya diperolehi daripada Petronas," katanya.

(END)